

Kekuatan UMNO, Pas seimbang

SHAH ALAM - Cadangan UMNO untuk mewujudkan kerajaan campuran bersama Pas di empat negeri boleh berlaku dan tidak akan mendatangkan sebarang masalah kerana kekuatan ke dua-dua parti itu dilihat seimbang.

Penganalisis politik, Prof Ahmad Atory Hussein berkata, UMNO dan Pas masing-masing memiliki jumlah kerusi yang banyak sama ada di peringkat negeri mahupun Parlimen.

"Pas menguasai kerusi di Kelantan dan Terengganu dan UMNO walaupun tidak menjadi kerajaan pusat tapi jumlah kerusinya banyak.

"Jadi, tidak menjadi masalah untuk mereka menjalinkan kerjasama dengan melantik exco di peringkat negeri daripada ke dua-dua parti itu," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Mengulas lanjut, Ahmad Atory berkata, cadangan kerjasama ini berbeza dengan perjanjian Pas dan BN pada 1974.

"Ketika itu, Pas menyertai BN dan terbentuknya kerajaan campuran, tapi sekarang situasi berbeza kerana ia hanya antara

UMNO dan Pas tanpa melibatkan BN," katanya.

Sabtu lalu, Timbalan Presiden UMNO Datuk Seri Mohamad Hasan mencadangkan kerjasama UMNO dan Pas diperkukuhkan lagi dengan mewujudkan kerajaan campuran di empat negeri.

Sementara itu, penganalisis politik dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Anuar Shah Bali Mohamed berpendapat, cadangan tersebut adalah untuk memberitahu kepada rakyat bahawa ke dua-dua parti tersebut mampu memimpin negeri di bawah pentadbiran masing-masing secara bersama.

"UMNO dan Pas mahu menzahirkan kepada rakyat bahawa mereka telah mengorak satu lagi langkah ke depan sekali gus keupayaan antara mereka dapat dipertingkatkan melalui kerjasama tersebut.

"Ini bermakna kerjasama politik itu bukan sahaja berlaku pada pilihan raya tetapi kerjasama politik daripada konteks pentadbiran kerajaan negeri itu sendiri," katanya semalam.

Sokong kerajaan campuran di Perlis

Cadangan positif untuk mengukuhkan kerjasama antara dua parti

ROSLINDA HASHIM

KANGAR

Perlis menyokong cadangan mewujudkan kerajaan campuran di negeri-negeri yang ditadbir BN dan Pas.

Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man berkata, cadangan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan itu merupakan cadangan yang positif untuk mengukuhkan kerjasama antara dua parti.

Menurutnya, beliau akan mengadakan perjumpaan bersama pemangku



AZLAN

presiden UMNO itu selepas pulang daripada mengerjakan umrah bagi mendapatkan butiran lanjut bentuk kerjasama itu.

"Cadangan mengenai kerajaan campuran adalah sesuatu yang baik. Bagaimanapun, saya perlu berjumpa terlebih dahulu dengan Mohamad untuk dapatkan perinciannya," katanya, yang kini berada di Arab Saudi.

Kelmarin, Mohamad mengumumkan parti itu bercadang mewujudkan



MOHD SHUKRI

kerajaan campuran di empat negeri ditadbir BN dan Pas, di mana cadangan itu sudah dikemukakan kepada Pas baru-baru ini.

Menurutnya, ia masih di peringkat cadangan sebelum perbincangan lanjut dibuat.

Pada peringkat UMNO, jawatankuasa kerja sudah dibentuk dan dipengerusikan Naib Presidennya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang akan bertindak sebagai penyelaras bersama jawatankuasa yang

dibentuk Pas kelak.

Kerjasama kedua-dua parti itu adalah dengan mewujudkan kerajaan campuran dikenali sebagai Kerajaan Penyatuan Ummah bermula di Terengganu, diikuti Pahang, Kelantan dan Perlis.

Sementara itu, Pesuruhjaya Pas Perlis, Mohd Shukri Ramli berkata, Pas negeri itu akan menyokong keputusan yang diputuskan oleh kepimpinan tertinggi parti.

"Kita tunggu pucuk pimpinan yang buat keputusan, negeri akan ikut apa jua keputusan kelak," katanya.

BN Perlis menguasai sembilan kerusi DUN daripada 15 kerusi, Pas pula hanya dua kerusi, manakala satu kerusi milik wakil rakyat bebas.

PH pula mempunyai tiga kerusi DUN, masing-masing di Sena, Kuala Perlis dan Indera Kayangan.